

26/07/1999

Langkawi Lagoon: Emkay unjur jualan RM500 juta

Ahmad Zaini Kamarulzaman; Wan Sabariah Shikh Ali; Nor Liza Ahmad KUMPULAN Emkay, yang membangunkan projek hartanah bersepadu Langkawi Lagoon mengunjurkan perolehan jualan RM500 juta, apabila ia siap sepenuhnya dalam tempoh tiga tahun.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Emkay, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar, berkata berkonsepkan pembinaan kediaman tradisonal, Langkawi Lagoon mempunyai keunikan tersendiri untuk menarik lebih ramai pelancong asing ke Langkawi.

Projek berkenaan yang dimajukan oleh anak syarikatnya, Tema Teladan Sdn Bhd di kawasan seluas 20 hektar, merangkumi pembinaan 178 unit banglo dan 675 unit rumah kampung berpelantar di laut.

Selain itu ia juga membangunkan 838 unit pangsapuri satu bilik, pusat beli-belah seluas 17,000 meter persegi serta kelab rekreasi dan hiburan.

Kos pembangunan Langkawi Lagoon dianggarkan berjumlah lebih RM200 juta. Kedudukannya berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, adalah sebahagian daripada pembangunan fasa pertama projek Langkasuka seluas 800 hektar di Langkawi.

"Kami tidak melihat projek ini adalah sebagai satu saingan kepada industri perhotelan kerana ia mempunyai pasarannya tersendiri. Apa yang lebih penting mutu ialah perkhidmatan yang disediakan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis memeterai perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Emkay dengan Golden Life Resort Bhd (Golden Life), di Langkawi semalam.

Golden Life ialah syarikat usaha sama antara pelabur Malaysia dengan Korea.

Menerusi perjanjian berkenaan, Golden Life akan membeli 220 unit banglo, rumah kampung dan pangsapuri bernilai antara RM70 juta hingga RM100 juta.

Majlis itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir Duta Korea ke Malaysia, Lee Byoung Ho. Emkay diwakili Mustapha Kamal, manakala Golden Life oleh pengarah urusannya, Yoon Chan Soo.

Perdana Menteri dalam ucapannya berkata, beliau yakin usaha sama berkenaan mampu menarik lebih ramai pelancong Korea ke negara ini.

"Dengan pembangunan dan kerjasama seumpama ini, pada masa depan kita akan melihat Langkawi mampu berkembang dengan pesat.

"Pembelian unit kediaman oleh Golden Life boleh menarik lebih ramai pasangan Korea untuk datang berbulan madu di Langkawi. Ini kerana kos di sini bukan saja murah, malah menarik untuk melancong," katanya.

Sementara itu, Mustapha Kamal berkata, kumpulan juga meninjau peluang usaha sama dengan syarikat asing termasuk dari Jepun dan Singapura untuk melabur di Langkawi Lagoon.

"Malah dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), kami akan mengadakan rombongan promosi ke Seoul, Korea dan beberapa negara lain bagi memasarkan produk pelancongan," katanya.

Menurut beliau, unit banglo di Langkawi Lagoon akan dijual pada harga RM500,000, manakala rumah kampung RM350,000 dan pangsapuri bernilai RM100,000 seunit.

(END)